

Bab 7

Kesimpulan

Dalam abad ketiga belas tumpuan kebudayaan Melayu telah beralih daripada India ke Timur Tengah.¹ Peralihan ini menyebabkan mengalirnya pandangan yang serba baru tentang: alam, tuhan, manusia dan ilmu kepada rantau ini. Gabungan semua ini melahirkan *Weltanschauung* baru. Maka berlakulah peralihan paradigma dalam segenap aspek kehidupan masyarakat, antaranya termasuk dalam ruang kesihatan dan farmakologi umat Melayu.

Kajian ke atas tiga buah manuskrip dari dua zaman yang berbeza ini menunjukkan bahawa konsep kesihatan dan pemilihan materia medika yang dipegang oleh kebanyakan tabib-tabib Melayu dipengaruhi oleh falsafah perubatan yang berasal daripada tradisi perubatan Arab. Kedua-dua tradisi utama perubatan Islam iaitu Tibb Yunani dan Tibb al-Nabawi mendapat tempat yang istimewa dalam doktrin perubatan Melayu. Pengaruh ini termasuklah falsafah kosmologi yang menyerap konsep empat unsur alam, konsep manusia sebagai mikrokosmos, konsep alam sebagai makrokosmos dan juga faham epistemologi Islam.

¹ Implikasi peralihan pusat tamadun ini dan kesannya ke atas tamadun dan kebudayaan Melayu telah diuraikan dengan panjang lebar oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam bukunya *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, hal. 11

Konsep yang terpenting dalam sesuatu doktrin perubatan ialah konsep sihat dan sakit. Terdapat beberapa teori dan doktrin yang berbeza tentang sihat dan sakit dalam sejarah pemikiran manusia tentang kesihatan. Setiap doktrin didasarkan kepada konsep tertentu tentang tubuh manusia dan juga perspektif yang tertentu tentang fisiologi. Dalam doktrin atau falsafah perubatan Melayu yang diperlihatkan oleh ketiga-tiga manuskrip tersebut, "manusia" dianggap sebagai alam kecil atau mikrokosmos. Sebagai alam kecil ia mempunyai sifat-sifat yang mewakili alam besar sama ada dalam bentuk morfologi atau dalam bentuk cecair yang dipanggil humor. Humor difahami sebagai terdiri daripada darah, balgham, air hemedu kuning dan air hemedu hitam. Humor seolah-olah mengandungi semua unsur-unsur asasi di alam ini seperti api, air, angin dan tanah. Keseimbangan humor-humor ini dari segi komposisinya dalam badan ataupun keharmoniannya dengan unsur alam mewujudkan keadaan yang dipanggil sebagai "sihat". Bila berlaku ketidakseimbangan dan ketidakharmonian antara mikrokosmos ini dengan makrokosmos maka akan wujud keadaan berlawanan yang dipanggil sebagai "sakit". Namun, "sakit" mengikut manuskrip yang dikaji bukan semata-mata sebagai satu masalah kesihatan dengan implikasi yang tidak menyenangkan dari segi keselesaan dan juga ekonomi. "Sakit" sebenarnya mempunyai dimensi spiritual dan sosial yang tertentu. Sakit, misalnya, adalah satu bentuk ujian daripada Tuhan dan juga satu bentuk penyucian diri manusia daripada dosa-dosa yang telah mereka lakukan. Oleh itu "sakit" dalam konteks ini boleh menjadi "rahmat" kepada manusia.

Ketiga-tiga manuskrip memperlihatkan bahawa pengetahuan farmakologi orang Melayu juga mempunyai kaitan yang rapat dengan konsep kesihatan yang berteraskan idea seimbang dalam tubuh badan. Sehubungan dengan itu tanggungjawab seorang ahli farmasi ialah mencari dan menyediakan ubat yang mampu mengembalikan keseimbangan tersebut dengan mengubah komposisi dan sifat humor dalam badan.

Keseimbangan boleh juga diwujudkan oleh pemakanan. Oleh itu pemakanan merupakan satu aspek terpenting dalam etnofarmakologi Melayu kerana pemakanan boleh bertindak sebagai satu mekanisme rawatan. Makanan juga boleh berfungsi sebagai materia medika, misalnya ulam-ulam yang mempunyai rasa kelat seperti petai dan jering adalah ubat untuk penyakit kencing manis.

Manuskrip tersebut juga memperlihatkan bahawa cara pemilihan ubat untuk merawat sesuatu jenis penyakit ialah berdasarkan prinsip sifat yang bertentangan, iaitu sifat ubat yang berlawanan dengan penyakit berkenaan. Misalnya, jika penyakit itu bersifat sejuk ubat yang dipilih ialah ubat yang bersifat panas dan begitulah sebaliknya. Prinsip ini lebih dikenali sebagai prinsip alopati. Satu lagi penekanan terpenting yang terdapat dalam farmakologi Melayu ialah pencegahan penyakit lebih diutamakan daripada rawatan. Penekanan seperti ini mewujudkan pencegahan penyakit melalui amalan berpantang, amalan pemakanan yang baik dan panduan menjalani cara hidup yang sihat.

Sebahagian besar daripada konsep kesihatan dan etnofarmakologi yang termaktub di dalam manuskrip-manuskrip ini memperlihatkan pengaruh doktrin perubatan yang dipanggil Galenisme. Galenisme dalam perubatan Melayu di kaitkan dengan ajaran Galen dan unsur falsafah perubatan Yunani; sebagaimana *Kitab Bustān al-Salātīn* mengaitkan ilmu perubatan dengan Jalinus (Galen), dan *Kitab Taiyib al-Ihsān* mengaitkan ilmu perubatan dengan hukama Yunani. Namun ajaran Jalinus dan hukama Yunani tersebut lebih merupakan versi yang amat terikat dengan pandangan alam dan aspek-aspek falsafah Islam. Oleh itu Galenisme yang mempengaruhi masyarakat Melayu lebih wajar disebut sebagai Galenisme Arab.²

² Pengkaji-pengkaji awal seperti Hairudin Harun menunjukkan bahawa Galenisme bukanlah satu doktrin yang homogenous atau monistik tetapi doktrin perubatan yang dinamik

Pengaruh doktrin Galenisme Arab ini wujud hampir dalam semua manuskrip yang dikaji dan ini boleh ditunjukkan dalam jadual 2.1 di bawah. Tanda-tanda palang dalam jadual ini mewakili kekerapan unsur Galenisme yang terdapat dalam teks-teks yang dikaji. Unsur-unsur tersebut termasuk prinsip patologi Humoral, aspek etiologi, nosologi, materia medika dan kaedah diagnostik.

Jadual 7.1 : Pengaruh Galenisme dalam Teks-teks Perubatan Melayu

Ciri-ciri Galenisme	BS	TI	Ms.33
1. Prinsip Patologi Humoral			
i. Teori Humoral yang empat	/	/	/
ii. Keseimbangan - temperamen	/	/	/
2. Etiologi			
i. 6 faktor non-natural	/	/	-
ii. Penyakit adalah disebabkan oleh hilangnya keseimbangan humor dalam badan.	/	/	/

yang telah mengalami perubahan dan penyesuaian berdasarkan tempat ia bertapak. Lihat Hairudin Harun, "Galenism : a Study in Philosophy of Malay Medicine".

jadual 7.1: sambungan

3. Materia Medika

i. Materia medika ada empat khasiat

i; sejuk, panas, kering dan basah.	/	/	-
iii. Penggunaan prinsip alopati	/	/	/

4. Nosologi

i. Penyakit dijeniskan sebagai penyakit

yang sejuk ataupun yang panas	/	/	/
-------------------------------	---	---	---

5. Kaedah diagnostik

i. Merasa nadi	-	/	-
ii. Melihat warna najis	/	/	-
iii. Melihat warna rambut	/	/	-
iv. Melihat warna badan	/	/	-
v. Berdasarkan ilmu pysiognomi	/	/	/
vi. Mimpi	/	-	-
vii. Perlakuan tidur -sekejap atau lama	/	/	/
ix. Sikap - gopoh atau penyabar	/	/	/

Catatan; BS = *Bustān al-Salātīn*. TI = *Kitab Taiyib al-Ihsān*

Pengaruh Galenisme Arab dalam masyarakat Melayu selain dalam bidang perubatan seperti yang ditunjukkan dalam tiga buah teks di atas, amat ketara dalam amalan pemakanan. Ciri tersebut jelas kelihatan dalam klasifikasi amalan pemakanan

orang Melayu, khususnya dalam konsep makanan "sejuk" dan "panas" atau "basah" dan "kering". Galenisme menekankan empat sifat sama ada sejuk, panas, kering atau basah dalam setiap jisim termasuk makanan. Dalam konteks doktrin perubatan Melayu aspek ini telah mengalami penyesuaian. Hal ini dapat dikesan dalam *Bustān al-Salāṭīn* dan *Kitab Taiyib al-Ihsān*. Ada unsur yang telah disesuaikan oleh orang Melayu dengan keadaan disekelilingnya, misalnya seperti yang terkandung dalam *Kitab Tibb* dan juga amalan perubatan popular orang Melayu. Penyesuaian ini menyebabkan sesuatu makanan atau ubat dikelaskan dengan hanya dua sifat iaitu sama ada sejuk dan panas sahaja. Penyesuaian yang sama diambil oleh masyarakat Asia yang lain. Fenomena penyesuaian ini juga kelihatan dalam masyarakat Hispanic di Amerika yang telah memudahkan doktrin ini sehingga tinggal dua sifat; iaitu sejuk dan panas sahaja.³ Tetapi *Kitab Bustān al-Salāṭīn* yang ditulis dalam tahun 1638 Masihi, masih mengikut doktrin Galenisme Arab dengan setianya. Ini jelas wujud dalam cara-cara klasifikasi makanan dan juga cara menentukan tiap-tiap darjahnya.⁴ Berdasarkan jumlah salinan yang diketahui dan kawasan ia tersebar, kitab *Bustān al-Salāṭīn* merupakan antara sumber terawal yang diterima meluas oleh orang Melayu, khususnya tentang amalan pemakanan. Konsep dan amalan pemakanan ini didapati juga dalam konsep dan amalan pemakanan yang terdapat di seluruh kawasan yang dihuni oleh umat Islam seperti di Timur Tengah, Afrika dan seluruh Kepulauan Melayu.⁵

Budaya ilmu Islam telah memperkenalkan orang Melayu kepada teks-teks hadis yang dikumpulkan oleh Imam Bukhari, Muslim, termasuk koleksi sunnah nabi tentang

³ Lihat Hart, D. V., *Bisayan Filipino and malayan humoral Pathologies: Folk Medicine and Ethnohistory in Southeast Asia*, (Ithaca: Cornell University, 1969) dan Wilson C.W., Nutrition in Two Cultures, Mexican American and Malay Ways with Food, dalam *Gastronomy- The Anthropology of Food and Food Habit* edited by Arnott M. L. (Mouton, The Hague, 1975)

⁴ *Bustān Salāṭīn*, Ms. no. 21514, hal. 116 ff. Lihat juga bab 4 kajian ini.

⁵ Hal ini telah disuarakan lebih awal oleh Prof. Nasr dalam tahun 1968. Lihat S. H. Nasr, *Science and Civilization in Islam*, hal. 228

penjagaan kesihatan, misalnya hadis Tibb al-Nabawi oleh al-Sayuti. Hal ini jelas dalam kitab-kitab perubatan Melayu. Banyak doktrin perubatan Melayu menerima pengaruh Tibb al-Nabawi ini dalam konteks penjagaan kesihatan dan pemilihan materia medika. Kesan penerimaan hadis Nabi sebagai sumber *a priori* menyebabkan Tibb al-nabawi menjadi panduan yang berpengaruh besar dalam sistem perubatan Melayu. Walaupun amalan pemakanan dan pemilihan ubat yang di buat banyak dicorakkan oleh doktrin Galenisme Arab, manuskrip-manuskrip tersebut membuktikan bahawa tidak terdapat percanggahan antara kedua-dua doktrin ini, malah kedua-dua unsur tersebut digandingkan secara harmonis.

Pengaruh unsur-unsur tempatan masih kekal dalam doktrin perubatan Melayu. Kitab-kitab perubatan khususnya korpus kitab Tibb dan juga amalan semasa memperlihatkan hakikat ini. Perbezaan antara unsur tempatan ini dengan doktrin Galenisme dan Tibb al-Nabawi misalnya ialah penekanan kepada pengaruh sifat sejuk sebagai penyebab penyakit dan penekanan kepada tiga jenis humor. Dalam sistem perubatan popular seperti amalan berurut, doktrin humoral dengan tiga humor ini memainkan peranan penting untuk merasionalkan punca penyakit dan kaedah rawatan yang dipilih.

Teks-teks perubatan yang dikaji memperjelaskan bahawa doktrin perubatan Melayu mempunyai unsur-unsur rasional yang jelas. Unsur tersebut diperlihatkan oleh ciri tersusun, penelitian keadaan fizikal badan yang sebenar, penekanan kepada sebab musabab penyakit dan pemilihan materia medika dengan justifikasi dan klasifikasi yang sistematis. Cuma kerasionalan yang dimaksudkan ini mengikut metodologi yang berdasarkan *Weltanschauung* masyarakat setempat dan adalah berbeza daripada falsafah mekanistik dan reduksionistik barat.

Munculnya sarjana-sarjana di Alam Melayu seperti Shaykh Nūr al-Dīn al-Rānīrī dengan kitabnya *Bustān al-Salātīn* dalam abad ke 17 masih memberikan asas-asas penjagaan kesihatan dan farmakologi "moden" dan "saintifik"⁶ kepada masyarakat Melayu. Berbanding dengan perubatan moden yang diperkenalkan oleh ahli-ahli perubatan barat hanya mula bertapak secara berkesan selepas campur tangan langsung Kolonial British. Kekuatan dan penerimaan doktrin perubatan Galenisme Arab secara meluas dalam masyarakat Melayu diteruskan oleh Kitab-kitab Tibb yang amat banyak jumlahnya yang masih mengekalkan beberapa unsur kemelayuan pra Islam. Perlanjutan idea Galenisme dalam doktrin perubatan Melayu dapat juga dilihat dalam kitab kuning yang popular dalam abad ke dua puluh karangan Syeikh Ahmad Fatani bertajuk *Taiyib al-Ihsān Fi Tibbi al-Insān*. Dalam sejarah perkembangan perubatan Melayu, doktrinnya masih mengekalkan ciri kesepaduan atau sifat holistik. Penekanan inilah yang membezakan doktrin perubatan melayu dengan perubatan moden. Ciri holistik harmonis dalam konteks ajaran agama dan nilai-nilai hidup masyarakat Melayu ini mungkin menjadi sebab mengapa ia terus berkembang dan memenuhi kehendak masyarakat setempat dari awal dan hingga ke hari ini.

⁶ Definisi konsep "moden" dan "saintifik"(akliah) dari sudut pandangan epistemologi Islam telah diuraikan dengan baik oleh Prof. Syed Muhammad Naquib al-Attas dalam Islam dan Sejarah Kebudayaan Melayu, hal. 4